



Prk.ML.11/02/09-1/1 (55)

## SIARAN MEDIA

### DOF JALIN KERJASAMA STRATEGIK BAGI PEMERKASAAN AKUAKULTUR


**21 JANUARI 2024, RAWANG** -YB Datuk Seri Haji Mohamad bin Sabu, Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan hari ini meluahkan masa melawat ARC Berkat Agrofood Sdn Bhd pemenang Anugerah Penternak Cemerlang (Kategori Ikan Air Tawar) 2023 sempena program Santai Akuakultur Yang Berhormat Menteri Pertanian Dan Keterjaminan Makanan Bersama Media.

Bertepatan dengan salah satu hala tuju kementerian iaitu memperkasakan industri akuakultur yang terus menyumbang kepada sumber perikanan negara, lawatan tersebut adalah bagi melihat perkembangan semasa sektor penternakan akuakultur di Negeri Selangor.

Pengeluaran akuakultur bagi Negeri Selangor dari **tahun 2020 sehingga 2023 adalah sebanyak 90,800.05 tan metrik dengan nilai RM1.25 billion** dan pada tahun ini Jabatan Perikanan Selangor menyasarkan pengeluaran akuakultur sebanyak 30,347.70 tan metrik. Pengeluaran bagi tahun 2023 melalui penternakan air tawar sebanyak 19,279.33 tan metrik melibatkan 147 penternak, penternakan air payau 2543.40 tan metrik dengan 183 penternak manakala penternakan ikan hiasan mencatatkan pengeluaran 546,438 ekor melibatkan 18 penternak dan 30 penternak bagi 155,226,208 benih kerang.

Hulu Selangor menjadi daerah tertinggi bagi pengeluaran ikan keli iaitu sebanyak 10170.11 tan metrik dengan nilai RM57,969,604.43 manakala daerah Hulu Langat mencatatkan pengeluaran tertinggi bagi ikan tilapia iaitu 2,913.88 tan metrik dengan nilai RM40,175,566.00 dan bagi pengeluaran benih ikan keli di Selangor, daerah Gombak merekodkan pengeluaran tertinggi iaitu sebanyak 89,280,600 dengan nilai RM8,321,140.00.

“Pada majlis amanat YB Menteri yang lalu pencapaian 5 halatuju kementerian bagi tahun 2023 diteruskan pada tahun 2024 dan Jabatan Perikanan Malaysia bertanggungjawab terhadap halatuju pertama iaitu pemerksaan industri akuakultur. Pemerksaan sektor akuakultur adalah bagi mengurangkan tekanan kepada permintaan sumber perairan semula jadi.



Menurut Dato' Adnan bin Hussain, Ketua Pengarah Perikanan, untuk tahun 2024 sasaran pengeluaran akuakultur ialah 500,000 tan metrik dan bagi menjayakan halatuju yang ditetapkan 10 kawasan utama pengeluaran akuakultur telah dipilih dan akan dipantau serta diberi perkhidmatan dari segi khidmat teknikal, pinjaman sangkar juga bantuan berbentuk *in-kind*. ARC Berkat Agrofood Sdn Bhd merupakan antara salah satu dari 10 kawasan tumpuan projek pemerkasaan Akuakultur di bawah Jabatan Perikanan.

Ujarnya lagi, permintaan dan pengeluaran ikan akuakultur di Malaysia dijangka akan meningkat sekaligus dapat membantu menjana pendapatan penternak serta pengusaha produk berasaskan ikan akuakultur. Lebih ramai golongan muda disarankan untuk menceburi bidang penternakan akuakultur yang mempunyai potensi besar dalam menjana pendapatan, meningkatkan ekonomi negara disamping menjamin kelangsungan dan kertejaminan makanan.

ARC Berkat adalah penternak akuakultur daerah Gombak yang menjalankan perusahaan ternakan, pembenihan dan produk pemprosesan ikan keli serta ikan tilapia merah yang turut menawarkan kursus ternakan ikan air tawar. Perusahaan yang ditubuhkan pada tahun 2007 ini telah berjaya menghasilkan benih ikan air tawar yang berkualiti tinggi dengan peratusan kematian yang amat rendah serta berjaya menternak ikan dengan kuantiti yang tinggi bagi memenuhi permintaan pasaran tempatan.

Perusahaan ini juga berupaya menghasilkan lebih dari 5 juta ekor benih ikan dan 80 tan ikan matang sebulan. ARC Berkat Agro Food Sdn Bhd juga telah bekerjasama dengan Jabatan Perikanan untuk mengadakan kursus asas penternakan serta pembenihan dengan tujuan melahirkan lebih ramai penternak dari kalangan orang tempatan berpandukan ilmu serta pengalaman yang ada.

-TAMAT-

**UNIT KOMUNIKASI KORPORAT**

Ibu Pejabat, Jabatan Perikanan Malaysia

Wisma Tani, Putrajaya

E-mel : [ukk@dof.gov.my](mailto:ukk@dof.gov.my)